

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000**

**FEBRUARI 2000**

**RMK 357 – Pentadbiran Tanah**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. ‘Di bawah Sistem Torrens catatan hakmilik adalah segala-galanya’. Huraikan maksud ungkapan ini dalam konteks prinsip-prinsip Kanun Tanah Negara 1965 dan ketidakbolehsangkalan.

( 25 MARKAH )

2. (a) Artikel 76 Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukan bahawa tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun bagi memastikan pertalian dan penyelarasan, jawatankuasa tertentu telah diwujudkan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah/tempatan.

Huraikan peranan atau fungsi setiap jawatankuasa di peringkat *persekutuan* dan *negeri* tersebut agar objektif pertalian dan penyelarasan dapat dicapai.

( 15 markah )

- (b) Berikan takrifan lengkap bagi istilah berikut:-  
(i) Lekapan  
(ii) Isemen

( 10 markah )

( 25 MARKAH )

3. Bagi melaksanakan projek, ‘tanah’ adalah amat mustahak. Boleh dikatakan jika tiada tanah maka tiada projek. Jenis projek juga akan menentukan jenis tanah (kegunaannya) dan ini tentunya melibatkan proses yang berbeza bagi menjadikan tanah (kegunaannya) selaras dengan jenis projek.

Bincangkan daripada perspektif milikan dan kategori tanah serta proses mendapatkannya bagi kegunaan projek.

( 25 MARKAH )  
...2/-

4. (a) Bincangkan perbezaan antara syarat nyata dan syarat tersirat dan nyatakan syarat-syarat tersirat untuk tanah bangunan dan tanah perindustrian dan senaraikan kandungan Jadual Kesembilan, Kanun Tanah Negara 1965.

( 15 markah )

- (b) Nyatakan tugas-tugas dan kuasa perbadanan pengurusan seperti yang termaktub dalam Seksyen 43 (1) Akta Hakmilik Strata 1985.

( 10 markah )

( 25 MARKAH )

5. (a) Bagaimakah Senarai Nilaian disediakan dan apakah asas bantahan yang boleh dikemukakan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976?

( 15 markah )

- (b) Bincangkan kepentingan kes Pemungut Hasil Tanah Johor Bahru Iwn South Malaysia Industries Bhd. [1978] 1 MLJ 130?

( 10 markah )

( 25 MARKAH )

oooOoooo